

KUIM tubuh pusat fatwa sedunia

BH 7/8/2002

KOLEJ Universiti Islam Malaysia (KUIM) dalam proses menubuhkan Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia yang akan mengumpulkan fatwa dari seluruh dunia, termasuk sedia ada di kalangan minoriti Islam.

Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, berkata pusat berkenaan adalah yang pertama seumpamanya ditubuhkan oleh mana-mana universiti Islam di dalam mahupun luar negara.

Katanya, inisiatif baru berkenaan ialah antara strategi KUIM ke arah membuktikan kemampuan universiti itu untuk mencapai taraf setanding dan berdaya saing dengan institusi pengajian tinggi Islam lain, terutama pada peringkat antarabangsa.

Walaupun baru ditubuhkan pada 1997 dan mula beroperasi tiga tahun kemudiannya, beliau berkata, KUIM menggariskan matlamat jelas untuk merealisasikan sasaran menjadi antara universiti Islam yang ulung di dunia.

Ketika ini, beliau berkata, ketiadaan pengurusan fatwa secara khusus dan tersusun mengakibatkan tercetusnya kekeliruan di kalangan umat Islam di seluruh dunia.

Malah lebih membimbangkan, katanya, keadaan sedemikian secara tidak



DR MOHD YUSOF

langsung turut memberi kesan kepada masyarakat bukan Islam sehingga timbul pelbagai tanggapan negatif terhadap Islam.

"Sehubungan itu, KUIM ingin memainkan peranan penting untuk menjernihkan kekeliruan berkenaan. Ini salah satu bukti bahawa KUIM adalah serius untuk menjadi universiti Islam moden menandingi universiti Islam lain di dunia," katanya kepada Berita Harian di Pandan Indah, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hadir sama dalam sesi wawancara khas menjelang penyempurnaan majlis pecah tanah kampus te-

tap KUIM di Nilai, Negeri Sembilan, oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 22 Ogos ini, ialah Rektornya, Prof Datuk Dr Abdul Shukur Husin, dan Timbalan Rektor (Pembangunan dan Hal-Ehwal Pelajar), Prof Dr Mohammad Alias.

Dr Mohd Yusof berkata, penyediaan dokumen berkaitan sudah siap dan tindakan lanjut sedang diambil ke arah memulakan operasi Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia itu, khususnya dari segi peruntukan kewangan serta pelantikan sumber tenaga.

Beliau berkata, pusat itu akan menjadi sebahagian daripada organisasi pentadbiran KUIM, diketuai oleh seorang pengarah dengan tenaga kerja yang dilantik daripada kalangan berkepakaran dalam pelbagai bidang.

Katanya, pelantikan tenaga kerja yang mempunyai kepakaran dan kemahiran berbeza, termasuk dalam bidang agama serta teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), sangat penting berikutan peranan pusat berkenaan akan membabitkan rangkaian pemerolehan maklumat untuk pengumpulan fatwa dari seluruh dunia.

Selain itu, katanya, usaha berkenaan membabitkan pengumpulan fatwa mencakupi segala aspek,

seperti kesihatan dan ibadah, serta dari sudut semua mazhab, walaupun yang terdapat di kalangan minoriti Islam di sesebuah tempat.

Dalam konteks ini, beliau berkata, pusat berkenaan akan menguruskan fatwa yang terkumpul dengan membuat penyusunan teliti terhadap semua maklumat berkaitan, termasuk dari segi masa dan faktor pengeluaran suatu fatwa itu.

"Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia akan menjadi pusat maklumat lengkap dengan pengurusan sistematik bagi memudahkan pengguna.

"Bagi tujuan ini, KUIM merancang untuk mewujudkan portal supaya benar-benar memenuhi matlamat universiti, iaitu bukan saja membangun dan memperkembangkan ilmu tetapi juga memberikan maklumat berguna.

"Di samping itu, pusat berkenaan juga akan membantu organisasi lain berhubung pengurusan fatwa dengan cara terbaik, terutama pihak yang bertugas dalam bidang berkaitan fatwa seperti mufti.

"Rancangan penubuhan pusat itu sudah pun diperakui oleh pihak universiti dan akan beroperasi mengikut satu struktur yang diselaraskan dengan agensi pusat," katanya.